

1. Salah satu ciri dana tersenarai adalah :
 - A. Jumlah unit adalah tidak terhad
 - B. Harga ditentukan oleh pengurus dana
 - C. Dana tersenarai adalah diurusniagakan dalam Bursa Malaysia
 - D. Urusniaga dilakukan antara pengurus dana dan pelabur

2. Salah satu jenis ekuiti unit amanah saham ialah “index fund” (dana indeks). Apakah objektif utama pelaburan dana ini?
 - A. Untuk menjana pendapatan tetap dengan kurang penekanan ke atas pertumbuhan modal
 - B. Untuk memadankan pulangan pelaburan supaya lebih menyerupai KLCI
 - C. Untuk menghasilkan pendapatan lebih tinggi dengan menyeimbangkan portfolio dalam bon, saham, tunai dan harta
 - D. Untuk menyediakan pulangan yang tinggi dengan melabur dalam pasaran antarabangsa

3. Apakah objektif utama pelaburan Dana Islam Unit Amanah Saham?
 - A. Untuk memadankan pulangan dana dengan pulangan pelaburan tanpa faedah dari produk-produk bank dan insurans Takaful
 - B. Untuk menyediakan peluang pelaburan untuk orang Islam bagi memudahkan mereka untuk akses ke dalam pengurusan bank konvensional, insurans dan produk-produknya
 - C. Untuk menghasilkan pendapatan yang konsisten dan dengan demikian membolehkan pemegang unit membayar zakat
 - D. Melabur dengan berlandaskan Prinsip Syariah

4. Objektif utama FMUTM boleh diringkaskan seperti berikut,kecuali:
 - A. Untuk menubuhkan syarikat unit amanah saham sebanyak yang mungkin,dengan itu pelabur awam punyai lebih banyak pilihan.
 - B. Untuk menyediakan maklumat, bantuan dan perkhidmatan lain kepada ahli-ahlinya.
 - C. Untuk memperbaiki seliaan, fiskal, dan persekitaran perundangan kepada amanah saham
 - D. Untuk mempromosikan kesedaran umum akan faedah dan risiko dalam pelaburan unit amanah saham amanah.

5. Di antara berikut yang manakah bukan salah satu Ahli Jawatankuasa Majlis FMUTM?
 - I. Etika dan Pematuhan.
 - II. Cukai dan Perakaunan.
 - III. Pendidikan dan Persidangan.
 - IV. Agensi Latihan dan Peperiksaan.
 - A. I & II
 - B. III & IV
 - C. Semua di atas
 - D. Tiada satu di atas

6. Untuk faedah ahli-ahlinya dan pelabur awam, FMUTM mengambil pelbagai langkah untuk menyusun dan melaksanakan rancangan berikut :
 - I. Pembangunan Profesional- untuk membangunkan peluang kerjaya bagi kakitangan SPAS dan agen-agen
 - II. Pengetahuan pelabur – Mengatur Pameran Tahunan Unit Amanah Saham & Pameran.
 - III. Agen Perbadanan – Untuk membangunkan rangkakerja yang membenarkan SPAS menggunakan agen perbadanan bagi pengagihan produk unit amanah saham.
 - IV. Hal ehwal Antarabangsa – Untuk menyertai secara aktif dalam mesyuarat antarabangsa dan menubuhkan satu Gabungan Persekutuan Amanah Saham ASEAN
 - A. I & II
 - B. I & III
 - C. II, III & IV
 - D. Semua di atas

7. Dimanakah antara berikut lebih berisiko dalam pelaburan ?
- Tabung/dana pasaran wang
 - Tabung/dana “hedge fund”(lindung nilai)
 - Tabung/dana Pendapatan Ekuiti
 - Tabung/dana Bon
8. Apakah Unit Amanah Saham?
- Unit Amanah saham adalah pelaburan berkumpul yang membenarkan pelabur-pelabur yang mempunyai objektif yang sama untuk mengumpul dana mereka untuk melabur dalam pelaburan yang diuruskan oleh Pengurus Tabung/dana yang Professional.
 - Unit Amanah Saham adalah pelaburan berkumpul yang membenarkan pelabur-pelabur yang mempunyai objektif yang sama untuk mengumpul dana mereka untuk melabur dalam portfolio sekuriti tunggal yang diuruskan oleh pelabur.
 - Unit Amanah Saham adalah pelaburan berkumpul yang membenarkan pelabur-pelabur yang mempunyai objektif yang sama untuk mengumpul dana mereka untuk dilaburkan oleh pemegang amanah.
 - Unit Amanah Saham adalah pelaburan berkumpul yang membenarkan pelabur-pelabur yang mempunyai objektif yang sama untuk mengumpul dana mereka untuk dilaburkan oleh broker professional.
9. Apakah faedah yang boleh didapati dari unit amanah?
- Pengurusan Profesional
 - Kecairan
 - Kepelbagaian
 - Tiada risiko
- I, II & IV
 - I, II & III
 - II, III & IV
 - Semua yang di atas
10. Mr. ZZZ memegang 2,000 unit Tabung/dana XYZ. NAB setiap unit dari tabung/dana sebelum pengagihan adalah RM 1.20, dan tabung/dana telah mengisytiharkan RM 1.00 pengagihan (andaikan tiada cukai dan caj). Selepas pengisytiharan, NAB setiap unit bekas-pengagihan adalah RM 1.10, harga jualan bekas-pengagihan adalah RM 1.15. Andaikan Mr.ZZZ mahukan pengagihan dilaburkan semula, dan harga pelaburan semula sama seperti NAB. Apakah nilai pelaburan Mr. X selepas pengagihan?
- RM2,400.00
 - RM2,420.00
 - RM2,300.00
 - Tiada di atas
11. Di antara berikut, yang manakah faedah-faedah perancangan kewangan yang efektif?
- Ia membantu untuk mengawal situasi inflasi yang mendadak
 - Ia menyediakan peta kepada matlamat kewangan seseorang individu
 - Ia memberi individu ketenangan minda dalam menangani situasi kewangan.
 - Ia membantu individu untuk mengumpul harta
- I, II
 - I, III
 - I, III, IV
 - Semua yang di atas
12. Langkah-langkah asas tertentu mesti diambil untuk merekabentuk perancangan kewangan yang sesuai.. Di antara berikut,yang manakah langkah-langkah bagi melaksanakan perancangan kewangan?
- Mewujudkan matlamat kewangan
 - Menyediakan kunci kira-kira dan penyata pendapatan
 - Menjangkakan pendapatan masa hadapan
 - Menilai tolak ansur klien kepada risiko

- A. I, II
- B. I, III
- C. I, III, IV
- D. Semua di atas

13. Alternatif pelaburan selain unit amanah saham adalah...

- I. Tunai & Simpanan Tetap
- II. Pelaburan Saham langsung
- III. Pelaburan Hartanah langsung/Harta Langsung
- IV. Produk Terbitan Kewangan
- V. Pelaburan Tengah Laut

- A. Tiada satu di atas
- B. Semua yang di atas
- C. Semua yang di atas kecuali (iv)
- D. Semua yang di atas kecuali (iv) & (v)

14. Pelabur berisiko tinggi mungkin akan memilih untuk melabur dalam tabung/dana pertumbuhan agresif dan yang lain melabur dalam tabung/dana seimbang (balanced). Apakah faktor-faktor yang mendorong pelabur melabur ke dalam tabung/dana seimbang (balanced)?

- I. Secara amnya, pulangan lebih tinggi dari unit amanah saham ekuiti.
- II. Portfolio mengandungi kelas aset yang luas.
- III. Pulangan yang dihasilkan oleh aset adalah seimbang, oleh itu mengurangkan risiko.
- IV. Pulangan adalah terjamin.

- A. I & II
- B. II & III
- C. III & IV
- D. Semua yang di atas

15. Kenapa industri unit amanah saham dikawal selia?

- A. Untuk melindungi faedah syarikat unit amanah saham
- B. Untuk melindungi faedah skim unit amanah saham
- C. Untuk melindungi faedah pelabur awam.
- D. Untuk melindungi pasaran modal.

16. Pilih pernyataan yang TIDAK BENAR?

- A. Salah satu alasan kenapa nisbah peratus NAB unit amanah saham kepada pasaran modal di Malaysia jauh lebih rendah dari negara lain seperti US dan UK adalah kerana kerajaan Malaysia telah mewujudkan pelan persaraan yang komprehensif yang juga dikenali sebagai KWSP.
- B. Dengan meningkatkan profesionalisme dan pemasaran yang baik mengenai produk oleh syarikat pengurus tabung/dana, ia akan merangsang pertumbuhan industri unit amanah saham di Malaysia.
- C. Konsep unit amanah saham telah diperkenalkan di Malaysia sejak 1959. Walaubagaimanapun, industri ini menyaksikan pertumbuhan yang cepat hanya sejak 1990.
- D. Suruhanjaya Sekuriti telah ditubuhkan sebagai satu badan yang hanya mewakili industri unit amanah saham.

17. Harga Jualan unit ketika tawaran permulaan perlu ditentukan oleh _____ dan perlu dinyatakan dengan secukupnya dalam prospektus skim.

- A. Garispanduan Tabung/dana Unit Amanah Saham
- B. Pemegang Amanah
- C. Suruhanjaya Sekuriti
- D. Syarikat Pengurusan

18. Di antara berikut, pernyataan manakah yang TIDAK BENAR?
- Secara amnya, portfolio pelaburan unit amanah saham ditentukan oleh Pengurus Syarikat.
 - Unit Amanah Saham adalah satu mekanisme pelaburan yang membenarkan para pelabur yang berkongsi objektif kewangan yang sama untuk mengumpul wang mereka.
 - Portfolio pelaburan hanya membenarkan pelaburan satu kelas aset sahaja.
 - Pemegang unit tidak membeli secara langsung sekuriti dan pemilik dana dibahagi kepada unit-unit.
19. Di antara berikut, pernyataan yang manakah TIDAK BENAR?
- Pulangan pelaburan unit amanah saham bagi pemegang unit adalah di dalam bentuk pengagihan, pemisahan unit dan naiknilai modal.
 - Pelabur unit amanah biasanya adalah tergolong dari pelabur-pelabur kecil di mana mereka tiada mempunyai masa mahupun kecenderungan untuk memegang pelaburan dalam saham secara langsung.
 - Melalui Pengurus Dana, unit amanah saham membenarkan pelabur kecil untuk mendapatkan akses yang meluas dalam pendedahan pelaburan.
 - Kos bagi pulangan yang berpotensi tinggi dalam unit amanah saham, adalah risiko yang berkaitan dengannya.
20. Pengurangan KPP membawa maksud seperti yang berikut...
- Prestasi dana akan menurun.
 - Prestasi dana menjadi lebih baik.
 - Syarikat Pengurusan menguruskan kesemua fi dan perbelanjaan dengan baik.
 - Pengurus Dana mengurangkan fi pengurusan tahunan.
21. Sila pilih pernyataan yang benar tentang KPP dalam sesuatu dana/tabung..
- $$\text{KPP} = \frac{\text{Jumlah Perbelanjaan Dana} \times 100\%}{\text{Saiz Purata Dana}}$$
 - Semakin tinggi KPP, semakin tinggi pulangan kepada para pelabur.
 - KPP menunjukkan fi-fi dan perbelanjaan pada masa akan datang .
 - Dalam pengiraan KPP, fi audit dikira sebagai salah satu perbelanjaan dana.
22. Mengapakah garis panduan pelaburan perlu disediakan?
- Garis panduan pelaburan telah dibuat untuk melindungi hak syarikat pengurusan unit amanah saham.
 - Garis panduan pelaburan telah dibuat untuk mengurangkan risiko kerugian bagi para pelabur.
 - Garis panduan pelaburan telah dibuat untuk mengekalkan tahap ketelitian dan professional dalam industri ini.
- II sahaja
 - I & II sahaja
 - II dan III sahaja
 - Semua yang di atas
23. I: Dalam situasi di mana pelabur mempunyai satu amaun tunggal yang ingin dilaburkan dalam unit amanah saham. Ini mungkin satu-satunya pelaburan yang ingin beliau lakukan. Tahun demi tahun, pelaburannya itu akan meningkat nilainya dalam bentuk pengagihan dan pendapatan yang lain yang didapati dengan dana tersebut. Di akhir tempoh pelaburan, keuntungan pembelian semula unit akan dikira daripada pelaburan awal ditambah dengan pulangan ke atas amaun tersebut, dikumpul mengikut masa yang tertentu.

II: Ini adalah cara yang berdisiplin untuk mengumpul modal untuk keperluan masa hadapan. Dengan membuat sumbangan/caruman tetap dalam sesuatu tempoh pelaburan, jumlah kesemua yang terkumpul di akhir tempoh akan meningkat dengan kadar yang cepat. Jenis simpanan ini adalah asas kepada pengumpulan dana pencen (contoh: KWSP). Apakah kaedah pelaburan yang diterangkan oleh pernyataan di atas?

Pernyataan I

Pernyataan II

- | | | |
|----|----------------------------|-----------------------|
| A. | Pembelian Tunggal | Pelaburan Perantaraan |
| B. | Pembelian Tunggal | Simpanan Biasa |
| C. | Pelaburan Jangkamasa hidup | Pelaburan perantaraan |
| D. | Pelaburan Jangkamasa hidup | Simpanan Biasa |
24. Apakah ciri-ciri utama tabung/dana amanah harta?
- I. Tabung/dana amanah harta dilabur dalam harta tanah
 II. Tabung/dana amanah harta disenaraikan dalam bursa Malaysia
 III. Salah satu jenis amanah saham yang paling dikenali di Malaysia
 IV. Melabur ke dalam pasaran saham
- A. I & IV sahaja
 B. I & II sahaja
 C. I, II & III sahaja
 D. I, II & IV sahaja
25. Tugas utama pengurus tabung/dana adalah menguruskan aset skim. Di manakah mereka mendapatkan sumber untuk perbelanjaan operasi?
- A. Caj Permulaan Perkhidmatan
 B. Keuntungan saham berdasarkan pendapatan yang dihasilkan dari portfolio
 C. Fi Pengurusan
 D. Rebet dan komisen yang didapati dari broker saham.

Soalan 26 hingga 29, perlu dijawab berdasarkan berikut. harga diterbitkan oleh Tabung/dana LMN adalah seperti berikut:-

Tarikh	NAB	Beli	Jual
22/09/03	0.95	0.95	1.00
23/09/03	0.94	0.94	0.99
24/09/03	0.96	0.96	1.01

26. Berdasarkan harga asal/sejarah, Ms. Keng telah melabur sebanyak RM2,000 dalam Tabung/dana LMN pada 22/09/03, berapa banyakkah unit yang boleh beliau dapat?
- A. 2,000.00 unit
 B. 2,105.26 unit
 C. 2,020.20 unit
 D. 2,127.65 unit
27. Berdasarkan harga asal/sejarah, Mr. Wong menebus semula 5,000 unit dari tabung/dana LMN pada 23/09/03, berapakah jumlah wang yang beliau akan dapat?
- A. RM 4,950.00
 B. RM 4,700.00
 C. RM 4,800.00
 D. RM 4,750.00
28. Berdasarkan harga hadapan, Mr. Chan telah melabur RM4,000 dalam Tabung/dana LMN pada 23/09/03, berapakah jumlah unit yang beliau akan dapat?
- A. 3,960.40 unit
 B. 4,040.40 unit
 C. 4,000.00 unit
 D. 4,166.67 unit
29. Berdasarkan harga hadapan, Ms. Ong menebus semula 10,000 unit dari Tabung/dana LMN pada 23/09/03, berapakah jumlah wang yang beliau akan dapat?
- A. RM 9,400.00
 B. RM 9,500.00
 C. RM 9,600.00
 D. RM 10,100.00

30. Pengurus Tabung/dana Unit Amanah Saham adalah dikehendaki untuk menyediakan laporan dan komentari kepada para pemegang unit. Laporan tersebut perlu mengandungi perkara-perkara yang berikut,kecuali: -
- Penerangan tentang skim dan objektif pelaburan.
 - Peruntukan aset skim seperti tarikh dalam laporan dan sebarang pertukaran penting dalam peruntukan aset berbanding laporan terakhir.
 - Analisa prestasi skim.
 - Profil para pelabur yang melabur dalam skim.
31. Di bawah garis panduan ke atas Penyeliaan Pinjaman/Pembiayaan Pelaburan, syarikat pengurusan dan orang yang berurusan dalam industri unit amanah saham mestilah tidak menggalakkan para pelabur meminjam wang untuk melabur dalam unit amanah saham. Apakah keburukan melabur dengan kaedah peminjaman ini?
- Semakin tinggi margin bagi pinjaman, semakin besar potensi kerugian.
 - Jika kadar faedah meningkat, jumlah pembayaran semula juga akan meningkat.
 - Pulangan mungkin lebih baik sedikit daripada deposit tetap.
 - Para pelabur mungkin akan diminta menambah amaun pelaburan mereka apabila harga unit jatuh.
- I, II, & III
 - I, II & IV
 - II, III & IV
 - I, III & IV
32. Semua garis panduan ke atas pengagihan unit amanah saham mestilah dipatuhi, **KECUALI**...
- Pemasaran atau pengagihan unit tanpa prospektus adalah di larang oleh peraturan.
 - Agen berdaftar hendaklah selalu melaksanakan urusannya dengan baik, berkemahiran dan kegigihan.
 - Agen yang berdaftar mestilah menggunakan pengiklanan dan/atau alat-alat promosi yang diluluskan oleh FMUTM sahaja.
 - Agen yang berdaftar perlulah mengambil langkah berjaga-jaga dan menyimpan kerahsiaan segala maklumat mengenai para pelabur.
33. Pernyataan mengenai “kepelbagaian” yang berikut adalah benar, **KECUALI**
- Skim Tabung/dana unit amanah saham dilaburkan dalam sekuriti yang pelbagai, maka risikonya juga meregang.
 - Skim Tabung/dana unit amanah saham dilabur dalam beberapa kelas aset bagi tujuan untuk meregangkan risiko.
 - Skim Tabung/dana unit amanah saham adalah daripada pelabur yang berlainan.Oleh itu risiko diregangkan di kalangan pelabur.
 - Apabila pengurus tabung/dana mempelbagaikan dana dalam skim unit amanah saham, ia dilakukan berdasarkan perjanjian dalam Surat Ikatan Amanah skim tersebut.
34. Apakah kesan pemisahan unit?
- NAB unit akan menurun
 - Pengurus Tabung/dana boleh menarik pelabur baru kerana harga telah diubah menjadi lebih rendah.
 - Skim baru perlu dilancarkan kerana unit yang sedia ada, telah diberi sepenuhnya kepada pemegangunit sedia ada.
 - Skim Unit Amanah saham tidak dibenarkan untuk mengisytiharkan pengagihan tambahan.
- Soalan 35 hingga 38 perlu dijawab berdasarkan yang berikut.
- NAB sebelum pengagihan pada tabung/dana QRS adalah RM150,000,000.00 dan unit dalam edaran adalah 100,000,000.00. Tabung/dana itu mengisytiharkan 10 sen setiap unit, dan pengurus tabung/dana mengenakan caj perkhidmatan sebanyak 5%.

35. Apakah NAB seunit dalam dana QRS bagi bekas/selepas pengagihan?
- A. RM 1.50
B. RM 1.40
C. RM 1.45
D. RM 1.38
36. Apakah NAB seunit dalam dana QRS sebelum- pengagihan?
- A. RM 1.50
B. RM 1.40
C. RM 1.45
D. RM 1.38
37. Apakah harga jualan bekas/selepas pengagihan?
- A. RM 1.47
B. RM 1.57
C. RM 1.49
D. RM 1.36
38. Mr. Chen memegang 10,000 unit dalam dana QRS, dan pengagihan beliau akan dilaburkan semula pada NAB setiap unit, dengan mengandaikan tiada cukai, berapakah nilai pelaburan Mr. Chan ketika pengisytiharan pengagihan?
- A. RM 14,250.00
B. RM 14,000.00
C. RM 15,000.00
D. RM 14,800.00
39. Di antara berikut, yang manakah BENAR?
- A. Harga Jualan Harian dan pembelian semula setiap unit akan ditentukan oleh Syarikat Pengurusan berdasarkan NAB.
B. Syarikat Pengurusan tidak dibenarkan mengenakan lebih dari 10% caj perkhidmatan.
C. Tawaran peringkat awal dalam unit amanah saham mestilah tidak melebihi 30 hari.
D. Hasil penebusan semula hendaklah dibayar kepada pemegangunit dalam tempoh 14 hari menurut Garispanduan dalam Tabung/Dana Unit Amanah Saham.
40. _____ adalah satu institusi yang telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan di bawah Akta Syarikat 1965. Tugas mereka adalah untuk memastikan syarikat pengurusan mematuhi apa yang terkandung dalam Surat Ikatan Amanah dan melindungi kepentingan pemegangunit, jika perlu
- A. Suruhanjaya Sekuriti
B. FMUTM
C. Pemegang Amanah
D. Bank Negara
41. Di antara berikut yang manakah perlu dinyatakan dalam prospektus?
- I. Fi Pengurusan
II. Fi Pemegang Amanah
III. Caj Permulaan Perkhidmatan
IV. Notis Masa Pembekuan
- A. I, II
B. I, II, III
C. I, II, IV
D. Semua yang di atas
42. Syarikat Maduraya telah melancarkan tabung/dana baru pada 30/6/2003. Prospektusnya perlu bertarikh _____ dan tamat pada _____.
- A. 30/6/2003, 01/07/2004
B. 01/7/2003, 30/06/2004
C. 30/6/2004, 29/06/2004
D. 01/7/2003, 29/06/2004
43. Tanda Aras Pelaburan (Investment benchmarking) adalah
- A. Objektif pengurusan tabung/dana yang memilih sekuriti berdasarkan Indeks Komposit Tukaran Stok yang tertentu.
B. Ukuran standard ketika menilai prestasi pelaburan

- C. Peralihan portfolio pelaburan dari stok ke sekuriti pendapatan tetap
- D. Strategi yang memerlukan pembelian yang rendah dan penjualan yang tinggi
44. Di Malaysia, semua skim unit amanah saham dicukaikan dengan cara yang sama.
- A. Semakin tinggi cukai, semakin tinggi pulangan pelaburan.
- B. Semakin tinggi kadar cukai yang dibayar oleh pelabur, semakin rendah kadar pulangan efektif.
- C. Semakin tinggi kadar cukai yang akan dibayar oleh pelabur, semakin tinggi kadar pulangan efektif.
- D. Cukai yang dibayar oleh skim unit amanah saham tidak akan memberi kesan ke atas pulangan kerana pendapatan telah pun dikenakan cukai pada sumbernya.
45. Unit Amanah Saham telah ditubuhkan di Malaysia sejak 1959, walaubagaimana pun apabila dibandingkan peratus NAB tabung/dana dan pasaran modal Bursa Malaysia, ianya cuma 8.93% (Dis '97). Apakah faktor utama yang mendorong pertumbuhan industri ?
- I. Memandangkan paras kesedaran pelabur terhadap perkhidmatan kewangan semakin meningkat, permintaan terhadap pulangan yang tinggi telah mendorong pelabur untuk pelbagaikan pelaburannya dan tidak tertumpu kepada deposit bank.
- II. Peningkatan profesionalisme dan pemasaran produk yang baik oleh syarikat pengurus dana/tabung.
- III. Pihak yang berkuasa, syarikat pengurusan dan pihak yang berkaitan mestilah bertidak proaktif bagi meningkatkan kesedaran para pelabur.
- IV. Menggunakan khidmat lebih ramai penilai prestasi dana untuk perbandingan prestasi dana dalam industri.
- A. I, II & III
- B. II, III & IV
- C. I, III & IV
- D. I, II & IV

46. NAB setiap unit dana/tabung GHI adalah RM0.89, andaikan 5% caj perkhidmatan dan tiada caj bagi penebusan, berapakah Ms.Lim akan perolehi jika dia menebus 5,000 unit dalam dana GHI?
- A. RM 4,450.00
- B. RM 4,227.50
- C. RM 4,672.50
- D. RM 4,500.00
47. Sila kira KPP bagi dana/tabung XYZ, diberi...
- | | |
|--------------------------------------|-----------------|
| | RM |
| Fi Pengurusan telah dibayar | 15,000.00 |
| Fi Pemegang Amanah telah dibayar | 800.00 |
| Kos percetakan laporan tahunan | 500.00 |
| Kos percetakan laporan interim | 500.00 |
| Fi Juruaudit telah dibayar | 200.00 |
| Kos perlantikan Jawatankuasa Syariah | 10,000.00 |
| Perbelanjaan lain-lain bagi dana | 5,000.00 |
| Saiz Purata Dana | RM 1,500,000.00 |
- A. 2.13 %
- B. 1.47 %
- C. 1.40 %
- D. 1.08 %
48. Sebutkan ciri-ciri dana/tabung tersenarai..
- I. Harga turun naik setiap hari dan berdasarkan permintaan dan penawaran.
- II. Jumlah unit adalah terhad apabila pelaburan sudah disenaraikan dalam bursa saham
- III. Pengurus mesti membeli balik unit dari para pelabur.
- IV. Jualan dan belian balik unit adalah transaksi terus diantara pengurus amanah saham dan para pelabur.
- A. I & II
- B. II & III
- C. II & IV
- D. I & IV

49. Hak pemegang unit adalah termasuk:
- I. Tempoh pembekuan tidak kurang dari 6 hari bekerja.
 - II. Menerima pengagihan pendapatan.
 - III. Untuk menebus unit-unit.
 - IV. Maklumat mengenai skim unit amanah saham dan prestasi.
 - V. Tiada hak untuk mengundi
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II, III dan IV sahaja
 - C. I, III, IV dan V sahaja
 - D. Semua yang di atas
50. Tabung/dana Islam tidak boleh dilaburkan di dalam seperti berikut:-
- I. Saham Bank Konvensional
 - II. Saham Perjudian
 - III. Saham Minuman Keras
 - IV. Saham IT
- A. I, II, IV
 - B. II, III
 - C. II, III, IV
 - D. I, II, III
51. Apakah yang dimaksudkan dengan tempoh pembekuan?
- A. Tempoh untuk membekukan.
 - B. Tempoh bagi membenarkan para pelabur untuk membatalkan pelaburannya tanpa ditolak fi perkhidmatan atau fi-fi yang lain.
 - C. Tempoh untuk pemerhatian
 - D. Tempoh yang membenarkan para pelabur membuat pembayaran.
52. Di antara yang berikut, yang manakah **TIDAK BENAR** mengenai tugas syarikat pengurusan?
- A. Untuk mengemaskini pendaftaran bagi setiap pemegang unit dengan maklumat seperti alamat, tarikh penjualan dan pembelian dan warganegara pemegang unit.
 - B. Untuk menyimpan laporan perakaunan berkaitan dengan operasinya dan operasi pelaburan.
 - C. Untuk memberi maklumat kepada pemegang amanah tentang apa jua pelaburan atau penghapusan yang diambil oleh pihak syarikat pengurusan.
 - D. Untuk melantik syarikat auditor yang sah untuk dana/tabung.
53. Namakan cara yang biasa yang sesuai dalam pelaburan unit amanah saham..
- A. Pembelian Tunggal dan penuasan/pinjaman kewangan
 - B. Simpanan Biasa dan membuat peminjaman .
 - C. Simpanan Biasa dan Pembelian Tunggal.
 - D. Pembelian Tunggal dan pelan KWSP.
54. Faedah pelaburan tetap mempunyai kolerasi negatif yang tinggi dengan ekuiti, maksudnya.....
- A. Apabila pasaran ekuiti jatuh, pulangan dari faedah pelaburan meningkat.
 - B. Apabila pasaran ekuiti meningkat, pulangan dari faedah pelaburan tetap akan lebih tinggi dari pulangan dari pasaran ekuiti.
 - C. Faktor risiko bagi dana/tabung pendapatan tetap adalah lebih tinggi dari ekuiti.
 - D. Pulangan dari ekuiti adalah sentiasa lebih tinggi dari pelaburan faedah tetap di dalam apa jua keadaan pasaran.
55. Bagaimanakah seorang pelabur boleh mendapat perlindungan daripada inflasi?
- A. Mengurangkan semua jenis perbelanjaan yang tidak perlu dan menyimpan wang di rumah.
 - B. Menurunkan kadar cukai pelaburan
 - C. Melabur wang dalam satu instrumen yang boleh mendapatkan pulangan yang lebih tinggi dari kadar inflasi.
 - D. A & B

56. Bagaimana para pelabur melaksanakan hak penebusan mereka?
- Proses hendaklah dilakukan melalui broker.
 - Mereka dikehendaki mengisi borang pembelian semula dan menyerahkannya kepada pengurus dana/tabung, kerana pengurus dana/tabung adalah pembeli unit.
 - Mereka hendaklah mencari pembeli yang sesuai dan pengurus dana/tabung akan memindahkan unit kepada pembeli.
 - Pemegang unit perlu memegang unit sehingga tempoh matang.
57. Sesetengah pengurus tabung/dana unit amanah saham mengenakan caj yang minimum bagi caj perkhidmatan. Apakah tujuan fi tersebut?
- Fi pendaftaran untuk menyertai skim pelaburan unit amanah saham.
 - Fi keahlian yang dikenakan oleh FMUTM
 - Untuk melanggan laporan tahunan
 - Untuk menampung kos pengagihan
58. Di bawah merupakan ciri-ciri Dana Islam, kecuali...
- Unit amanah saham Islam perlu dilaburkan menurut Prinsip Syariah.
 - Para pelabur perlu dapatkan pengesahan dari Penasihat Syariah sebelum mereka dibenarkan untuk melabur dalam unit amanah saham Islam.
 - Pulangan Unit Amanah Saham Islam akan menghindari "riba"
 - Saham Unit Amanah Saham Islam tidak akan melibatkan syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti, produk atau perkhidmatan yang berkaitan dengan perbankan konvensional, perkhidmatan insurans dan kewangan, perjudian, perniagaan minuman keras dan produk makanan yang tidak halal.
59. SPAS mestilah mempunyai ahli jawatankuasa pelaburan yang akan memerhati kelancaran dan kecekapan pelaburan yang dijalankan oleh Skim Unit Amanah Saham. Dalam dana/tabung Islam, ahli jawatankuasa tersebut adalah.
- Ahli Jawatankuasa Riba'
 - Ahli Jawatankuasa Mudarabah
 - Ahli Jawatankuasa Syariah
 - Ahli Jawatankuasa Islam
60. Pengagihan bagi setiap unit RM 0.05 telah diagihkan bagi dana/tabung ABC.NAB sebelum pengagihan adalah RM 500,000 manakala jumlah keseluruhan dalam edaran adalah 1,000,000 unit. Apakah NAB se unit bagi bekas/selepas pengagihan?
- RM 0.45
 - RM 450,000
 - RM 0.95
 - RM 950,000
61. Prospektus adalah...
- Satu dokumen yang menyediakan semua maklumat penting yang perlu dibaca oleh semua pelabur.
 - Disediakan oleh Akauntan yang menyiasat.
 - Satu dokumen perundangan yang menggariskan hak dan tanggungjawab semua pihak di dalam sesebuah amanah saham.
 - Satu dokumen pemasaran yang menggariskan pelan pemasaran sesebuah amanah saham
- Soalan 62 hingga 66 perlu dijawab berdasarkan seperti berikut.
NAB sebelum pengagihan Dana/tabung DEF adalah RM292,500,000.00 dan unit-unit dalam edaran adalah 195,000,000.00. Dana/tabung mengisytiharkan pengagihan 15 sen se unit, dan pengurus mengenakan caj 5% caj perkhidmatan.
62. Apakah NAB seunit sebelum pengagihan?
- RM 1.50
 - RM 1.35
 - RM 1.45
 - RM 1.60

63. Apakah NAB seunit bagi bekas/selepas pengagihan?
- A. RM 1.50
B. RM 1.35
C. RM 1.45
D. RM 1.60
64. Apakah harga jualan bekas/selepas bagi dana/tabung DEF, jika pengurus mengenakan 5% caj perkhidmatan dan dibulatkan kepada sen yang terdekat?
- A. RM 1.50
B. RM 1.35
C. RM 1.45
D. RM 1.42
65. Apakah nilai pelaburan Ms. Chin sebelum pengisytiharan pengagihan, jika dia mempunyai 60,000 unit?
- A. RM93,000.00
B. RM92,000.00
C. RM90,000.00
D. RM91,500.00
66. Andaikan tiada cukai dikenakan, apakah nilai pelaburan Mr.Ho selepas pengisytiharan pengagihan, jika beliau memegang 60,000 unit dan pengagihan dilaburkan semula pada NAB seunit ?
- A. RM93,000.00
B. RM92,000.00
C. RM90,000.00
D. RM91,500.00
67. Yang manakah di antara berikut **TIDAK BENAR** mengenai pulangan pelaburan?
- A. Pulangan Kasar – pulangan yang menunjukkan jumlah pulangan dicapai oleh pemegang pelaburan pada seluruh tempoh antara penjualan dan pembelian.

- B. Purata Pulangan Tahunan – Purata pulangan tahunan yang didapati daripada peregang pelaburan sepanjang tempoh pemegangan
- C. Pulangan Keseluruhan – Purata pulangan tahunan yang didapati daripada peregang pelaburan sepanjang tempoh pemegangan
- D. Tiada satu pun di atas.
68. YYY telah membeli saham syarikat ZZZ dengan RM 10,000 pada harga RM 2.00 setiap saham. Hari ini pelaburannya jatuh pada harga RM1.50 setiap saham. Berapakah jumlah kerugian yang beliau alami?
- A. RM 2,000
B. RM 2,200
C. RM 5,000
D. RM 2,500
69. Dana/tabung XYZ telah mengisytiharkan pemisahan unit pada 1:4. Sebelum pemisahan unit NAB seunit ialah RM 1.00. Jumlah unit dalam edaran sebelum pemisahan adalah 100,000,000 unit. Apakah perbezaan NAB dana/tabung sebelum dan selepas pemisahan?
- A. 75%
B. RM 0.25
C. RM25,000,000
D. Tiada perbezaan

Soalan 70 dan 71 adalah berdasarkan contoh berikut :

Bagi jangkamasa 01/09/2002 sehingga 31/8/2003 perbelanjaan yang terlibat dalam dana/tabung ABC adalah:

	<u>RM</u>
Fi pengurusan	31,764.00
Fi Pemegang Amanah	6,900.00
Fi Juruaudit	1,400.00
Perbelanjaan Pentadbiran dana/tabung	4,200.00
Purata saiz dana/tabung(NAB)	4,123,222.00

70. Apakah Kadar Perbelanjaan Pengurusan(KPP) bagi sesebuah dana/tabung ABC?
- 1.01 %
 - 0.30%
 - 0.77%
 - 1.07%
71. Pada akhir tahun kewangan berikutnya, KPP meningkat, ini menunjukkan
- SPAS menguruskan keseluruhan fi dan perbelanjaan dengan baik
 - Pengurus Dana/Tabung mendapat terlebih pembayaran
 - SPAS tidak menguruskan keseluruhan fi dan perbelanjaan dengan baik
 - Purata saiz dana/tabung adalah besar
72. Kebanyakan skim unit amanah saham mengenakan caj permulaan dan sesetengah caj adalah tinggi. Bagaimanakah para pelabur dapat meminimakan semua caj tersebut?
- Menambah pelaburan
 - Memegang pelaburan untuk jangka masa panjang dan nilainya akan meningkat dan seterusnya mencapai objektif pelaburan.
 - Mengajak ramai orang untuk melabur dan meminta komisyen yang tinggi dari pihak pengurusan.
 - Apabila prestasi dana/tabung jatuh di bawah jangkaan, tebus pelaburan secepat mungkin.
73. Apakah "NAB" seunit?
- Ia adalah jumlah keseluruhan pelaburan selepas menolak caj perkhidmatan.
 - Ia adalah kadar pelaburan dalam saham pendapatan tetap.
 - Ia adalah nilai aset bersih pelaburan yang dibahagi dengan jumlah unit dalam edaran.
 - Jumlah unit yang didapati daripada pelbagai skim dan didarabkan dengan harga pembelian semula.
74. Menurut Garispanduan Dana/Tabung Unit Amanah Saham,
- Pelaburan mana-mana skim unit amanah saham sekuriti asing mestilah mendapat pengesahan dari Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti.
 - Pelaburan dalam saham tidak tersenarai mestilah tidak melebihi 10% dari NAB skim tersebut.
 - Pelaburan dalam skim pelaburan terkumpul yang lain mestilah tidak melebihi 10% daripada NAB skim tersebut
 - Pelaburan dalam skim kontrak hadapan , mestilah tidak melebihi 10% NAB skim tersebut.
- I, II
 - II, IV
 - I, II, III
 - Semua yang di atas
75. Apakah tanggungjawab utama Pemegang Amanah?
- Menjaga aset
 - Memastikan semua terma di dalam Surat Ikatan Amanah diikuti
 - Kadar minima modal berbayar mestilah tidak kurang RM500,000
 - Kutipan dan pengagihan pendapatan Skim Unit Amanah
 - Bertanggungjawab untuk melaporkan keadaan kewangan unit amanah saham
- I dan II sahaja
 - I, II dan III sahaja
 - I, II dan IV sahaja
 - I, II, IV dan V sahaja
76. NAB seunit dana/tabung JKL adalah RM1.00, fi pengurusan adalah 1.5%, caj perkhidmatan adalah 5% dan fi Pemegang Amanah adalah 0.08%. Apakah Harga Jualan seunit untuk dana/tabung JKL?
- RM 1.66
 - RM 1.05
 - RM 0.95
 - RM 0.94

77. Jika NAB seunit Dana/Tabung STU adalah RM0.98, caj perkhidmatan adalah RM0.05 dan tiada caj penebusan. Apakah amaun yang akan diterima oleh pelabur jika beliau menebus 10,000 unit?

- A. RM 9,800
- B. RM 9,300
- C. RM 10,300
- D. RM 10,000

78. Salah satu kebaikan Pelaburan Unit Amanah Saham adalah kecairan. Apakah yang dimaksudkan dengan kecairan dalam pelaburan amanah saham?

- A. Boleh ditebus pada bila-bila masa hari ususiaga dan mendapatkan wang dalam jangkamasa yang singkat.
- B. Boleh mendapatkan semula wang tanpa sebarang notis.
- C. Boleh mengeluarkan pelaburan dalam tempoh bertenang dan mendapat semula wang pelaburan sepenuhnya.
- D. Mempunyai pelaburan dalam unit amanah saham seperti mempunyai wang di tangan.

79. “Harga Belian” dalam Unit Amanah Saham bermaksud: -

- A. NAB + Caj Perkhidmatan
- B. NAB + Caj Penebusan Semula
- C. NAB – Caj Penebusan semula
- D. NAB – Fi Pengurusan

80. Tugas utama pemegang amanah adalah untuk melindungi faedah pelabur. Jika pemegang amanah mendapati operasi pengurus dana/tabung tidak memenuhi syarat-syarat yang telah terkandung dalam Surat Ikatan Amanah, pemegang amanah mestilah melaporkan kepada;

- A. Suruhanjaya Sekuriti (SS)
- B. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
- C. Pemegang Unit
- D. Kementerian Kewangan

81. Bagi 1 Januari 2002 hingga 31 Disember 2002, perbelanjaan yang melibatkan dana/tabung adalah;

Fi Pengurusan	:	RM 35,000.00
Fi Pemegang Amanah	:	RM 8,000.00
Fi Juruaudit	:	RM 2,000.00
Caj-caj Bank&Lain-lain	:	RM 5,000.00

Saiz Purata Dana adalah RM10,000,000.00. Sila kira Kadar Perbelanjaan Pengurusan (KPP).

- A. 0.5%
- B. 1%
- C. 1.3%
- D. 2%

82. Pernyataan yang berikut, yang manakah **TIDAK BENAR**?

- A. Unit amanah saham harta dilaburkan dalam hartanah sebenar
- B. Kebanyakan unit amanah saham hartanah tidak tersenarai dalam Bursa Malaysia
- C. Pulangan dari unit amanah saham hartanah dihasilkan daripada pendapatan sewa dan naiknilai modal.
- D. Harga Jualan dan harga Belian unit amanah hartanah mungkin lebih rendah dari Nilai Aset Bersih

83. Pilih faktor yang boleh merangsang pertumbuhan industri unit amanah saham di Malaysia.

- I. Tahap kesedaran pengguna tentang perkhidmatan kewangan meningkat, permintaan terhadap pulangan tinggi akan mengalihkan para pelabur daripada deposit bank .
- II. Pengesahan bagi skim pelaburan KWSP dengan institusi kewangan yang disahkan
- III. Peningkatan tahap profesionalisme dan pasaran yang baik tentang produk.
- IV. Sekatan saluran pelaburan yang sah di Malaysia.

- A. I, II & III
- B. II, III & IV

- C. I, III & IV
D. Semua yang di atas.
84. Apakah asas bagi harga unit dalam unit amanah saham?
- A. Dasar Dwi harga : pelabur membeli unit pada harga jualan dan penebusan unit pada harga pembelian semula.
B. Dasar Dwi harga : pelabur membeli unit pada harga yang ditawarkan pengurus dan penebusan unit pada harga jualan.
C. Dasar Dwi harga : pelabur membeli unit pada harga belian dan penebusan unit pada harga pembelian semula.
D. Dasar Dwi harga : pelabur membeli unit pada harga jualan dan penebusan unit pada harga yang dibeli.
85. Di antara yang berikut, apakah maklumat yang boleh didapati dalam Prospektus?
- I. Fi dan caj seperti caj perkhidmatan, fi pengurusan , fi pembelian semula dan lain-lain.
II. Pernyataan “Terdapat fi dan caj yang terlibat, oleh itu para pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan fi dan caj sebelum melabur dalam skim tersebut.
III. Maklumat mengenai syarikat pengurusan dana/tabung dan pemegang amanah.
IV. Ringkasan kewangan utama bagi 5 tahun kewangan yang lepas (jika difikirkan perlu), termasuklah pengagihan setiap unit yang dibayar oleh skim.
- A. I, II
B. I, II, III
C. II, III, IV
D. Semua yang di atas
86. Apa yang anda faham dengan Prinsip Purata Kos Dolar?
- A. Prinsip itu merujuk kepada pelaburan dengan amaun wang yang tetap tanpa mempedulikan tahap harga dan mempraktikkan Prinsip Pelaburan Purata Kos.
B. Prinsip itu merujuk kepada pelaburan sistematik dengan amaun wang yang tetap tanpa mempedulikan tahap harga dan mempraktikkan Prinsip Pelaburan Kos Tinggi.

- C. Prinsip itu merujuk kepada pelaburan sistematik dengan amaun wang yang tetap tanpa mempedulikan tahap harga dan hanya boleh digunakan pada satu jangkamasa pendek bagi memaksimumkan kelebihannya.
D. Prinsip itu merujuk kepada pelaburan dengan amaun wang yang tetap tanpa mempedulikan tahap harga dan ianya hanya lebih bermakna dalam pasaran yang menaik.
87. Antara yang berikut, yang manakah kelebihan unit amanah?
- A. Capaian sedia kepada dana
B. Peregangan Risiko
C. Kos pelaburan adalah lebih rendah
D. Semua yang di atas
88. Berikut adalah bahagian yang boleh diperbaiki oleh syarikat pengurusan untuk khidmat pelanggan, KECUALI
- A. Menyediakan saluran untuk aduan
B. Memaklumkan kepada pemegang unit mengenai prestasi dana yang terkini
C. Melapor secara konsisten mengenai perkembangan terkini syarikat kepada Suruhanjaya Sekuriti
D. Memastikan prestasi unit saham adalah lebih baik daripada lain-lain unit saham dalam industri.

Data yang diberikan adalah untuk soalan 89,90 dan 91.

NAB sebelum pemisahan unit	:	RM 15,000.00
Unit dalam edaran sebelum pemisahan unit	:	12,500 unit
Pemisahan unit	:	1:2
Fi Perkhidmatan Permulaan	:	6%
Fi Penebusan	:	2.5%

89. Apakah harga jualan bagi bekas/selepas pemisahan unit?
- A. RM 1.20
B. RM 0.40
C. RM 1.06
D. RM 0.85

90. Apakah NAB bagi bekas/selepas pemisahan unit?
- RM 15,000
 - RM 22,500
 - RM 10,000
 - RM 12,000
91. Apakah harga belian bagi bekas/selepas pemisahan unit?
- RM 0.78
 - RM 1.17
 - RM 0.39
 - RM 0.98
92. Antara pernyataan yang berikut, yang manakah **TIDAK BENAR**?
- Jumlah tingkat dalam struktur agensi tidak boleh melebihi empat (4) tingkat.
 - Saiz bagi Unit mestilah tidak boleh melebihi 50 orang pada setiap masa.
 - Ejen tidak dibenarkan merekrut.
 - Individu yang mendaftar dan disahkan oleh FMUTM untuk memasarkan dan mengagihkan unit saham yang akan menggunakan Kad Pengesahan yang dikeluarkan oleh SPAS.
93. Hak-hak pemegang unit termasuklah yang berikut, **KECUALI**:
- Hadir dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.
 - Membuat pertanyaan (termasuklah aduan) kepada SPAS.
 - Berhak menerima pengagihan pendapatan.
 - Untuk mengundi dalam mesyuarat pemegang unit.
94. Pendedahan maksima terhadap mana-mana kumpulan syarikat dalam “Kuasa pelaburan dan sekatan” adalah untuk
- Menetapkan amaun maksima yang dibenarkan oleh dana untuk melabur di mana-mana kumpulan syarikat.
 - Menghadkan keburukan melabur dalam mana-mana saham tunggal.
 - Memaksimumkan pengumpulan sumber-sumber dalam Malaysia untuk dilaburkan di Malaysia.
 - Untuk menyekat dana/tabung yang dilaburkan di luar negara.
95. Antara yang berikut, yang manakah **BUKAN** ahli jawatankuasa FMUTM?
- Pendidikan & Persidangan
 - Cukai & Perakaunan
 - Pendidikan Pelabur
 - Etika & Pematuhan
96. Apakah kekurangan apabila mendapatkan pinjaman dari syarikat kewangan untuk membeli skim unit amanah saham?
- Kos sebenar pinjaman dari masa ke masa belum dapat diketahui, kerana kadar faedah yang berubah-ubah.
 - Penebusan pra-matang mungkin akan memberi kesan kepada pulangan pelaburan individu.
 - Nilai pelaburan yang sentiasa berubah-ubah, dengan itu memberi kemungkinan pelabur akan mendapat pulangan yang lumayan.
 - Pinjaman kewangan bagi pelaburan dalam unit amanah saham adalah satu komitmen jangka panjang.
- I & II
 - I, II & IV
 - II, III & IV
 - Semua yang di atas.
97. Jumlah Nilai Aset Bersih dalam skim unit amanah saham ekuiti mengandungi yang berikut:-
- Nilai portfolio pelaburan ekuiti
 - Kos bagi broker, duti setem dan caj-caj lain dalam portfolio pelaburan tersebut.
 - Pelaburan pasaran kewangan.
 - Semua keseimbangan tunai.
 - Semua pengagihan kasar terakru dan faedah pendapatan.

- A. I, II dan III sahaja.
 B. I, III dan V sahaja.
 C. I, II, III dan IV sahaja.
 D. Semua yang di atas.
98. Di antara yang berikut, cara yang manakah **TIDAK SESUAI** ketika mendekati pelabur yang berpotensi?
- I. Dana/tabung CBA adalah di senarai teratas dalam jadual prestasi The Lipper Funds, oleh itu pulangan pada masa hadapan adalah yang terbaik.
 II. Melabur dalam Dana/tabung FED, anda pasti akan menerima sekurang-kurangnya 10% pengagihan setiap tahun.
 III. Melabur dalam dana/tabung IHG kerana pengagihannya adalah tertinggi berbanding yang lain.
- A. II
 B. I, II
 C. III
 D. Semua yang di atas
99. Encik Ali ingin membeli hartanah untuk pelaburan, walaubagaimanapun wangnya RM5,000 tidak mencukupi untuk menanggung bayaran pendahuluan harta tersebut dan beliau tidak mahu terlibat dengan mana-mana kemudahan pinjaman, cadangan anda adalah...
- A. Membeli Dana/Tabung Pertumbuhan Agresif
 B. Membeli Dana/Tabung Amanah Hartanah
 C. Meletakkan RM5,000 ke dalam Deposit Tetap
 D. Untuk melabur dalam Pasaran Saham
100. Manakah di antara yang berikut **TIDAK** berkenaan dengan unit amanah saham pendapatan tetap?
- A. Portfolio unit amanah mengandungi bon-bon, sekuriti kerajaan dan sekuriti cair.
 B. Secara amnya, tahap risiko adalah rendah daripada unit amanah saham ekuiti.
 C. “Dana/tabung pertumbuhan agresif” boleh diklasifikasi sebagai unit amanah saham pendapatan tetap.
 D. Secara amnya, pulangan adalah lebih rendah dari unit amanah saham ekuiti.
101. Tugas Pengurus Dana/Tabung adalah seperti berikut, kecuali: -
- A. Menyediakan semua notis dan laporan-laporan untuk diedarkan kepada pemegang unit.
 B. Mengatur audit bagi akaun amanah saham
 C. Bertindak sebagai penjaga bagi dana/tabung
 D. Mempromosi skim unit amanah saham
- Contoh yang di bawah adalah untuk soalan 102 dan 103.
 Andaikan bahawa pelabur mempunyai yang berikut untuk melabur (bulatkan kepada 1 sen yang terdekat):
- | | |
|----------------------------|------------|
| Pelaburan permulaan | : RM10,520 |
| NAB se unit | : RM0.68 |
| Caj perkhidmatan permulaan | : 6% |
102. Apakah harga jualan bagi dana?
- A. RM0.72
 B. RM0.63
 C. RM0.73
 D. RM0.70
103. Jika caj perkhidmatan permulaan diturunkan kepada 3%, berapakah lebihan unit yang akan diperolehi oleh pelabur?
- A. 417.46 unit
 B. 405.94 unit
 C. 653.69 unit
 D. 205.79 unit

104. Apakah tujuan diadakan “Garis panduan Dana/Tabung Unit Amanah”?
- I. Untuk mengawal selia operasi dan pentadbiran skim unit amanah saham.
 - II. Mewujudkan persekitaran terkawal yang mampu melindungi faedah para pelabur awam.
 - III. Untuk memudahkan pembangunan yang teratur dalam industri unit amanah saham.
 - IV. Memastikan syarikat pengurusan dapat menjamin pulangan ke atas pelaburan yang telah dibuat.
- A. I, III
 - B. I, II, III
 - C. II, III, IV
 - D. Semua yang di atas
105. Orang Yang Berurusan dalam industri Unit Amanah Saham, mestilah....
- I. Memastikan dana/tabung yang dicadangkan adalah sesuai dengan keperluan dan tidak melebihi kemampuan pelabur.
 - II. Sebagai wakil kepada pemegang unit untuk membuat keputusan menebus pelaburan mereka, untuk mendapatkan pulangan yang maksima.
 - III. Menggalakkan pelanggan untuk mempertimbangkan pinjaman kewangan kerana ianya dapat membantu mengurangkan beban kewangan dan pelaburan pelanggan.
 - IV. Memasarkan dan mengagihkan unit amanah saham dengan prospektus dana/tabung.
- A. I, II
 - B. I, IV
 - C. II, III
 - D. III, IV

106. Yang manakah di antara yang berikut **BUKAN** salah satu perancangan masa hadapan oleh FMUTM?
- I. Pembangunan Profesional: membangunkan kerjaya bagi kedua-dua pihak iaitu kakitangan SPAS dan agen-agen yang akan menghasilkan Standard Profesional Industri Amanah Saham di Malaysia.
 - II. Agen Institusi/Perbadanan : membangunkan rangkakerja untuk membenarkan SPAS menggunakan agen institusi/perbadanan bagi pengagihan produk unit amanah saham.
 - III. Pembangunan Agen: tertakluk kepada pengesahan pengawal selia, FMUTM sedang membangunkan garis panduan bagi membolehkan agen yang berkelayakan untuk mewakili lebih daripada satu SPAS dan dan menjadi penasihat kewangan bebas. Perkembangan ini sejajar dengan tujuan FMUTM bagi memberikan perkhidmatan profesional taraf tertinggi kepada pelabur Malaysia.
 - IV. Hal-ehwal Antarabangsa: Rancangan FMUTM untuk memainkan peranan penting di mesyuarat peringkat antarabangsa dan menubuhkan Gabungan Persekutuan Amanah Saham ASEAN.
- A. I
 - B. II & III
 - C. III & IV
 - D. Tiada satu di atas
107. Di antara yang berikut, yang manakah menerangkan “dana/tabung pendapatan”?
- A. Dana/tabung kebanyakannya dalam saham bagi mendapatkan pengagihan pendapatan.
 - B. Jenis dana/tabung ini akan menghasilkan pulangan menyerupai prestasi pasaran indeks bursa saham, dari segi risiko dan pulangan.
 - C. Secara amnya, dana/tabung ini melabur dalam saham yang pertumbuhannya berpotensi tinggi serta mempunyai ciri-ciri risiko tinggi
 - D. Dana/tabung ini melabur kebanyakannya dalam bon-bon korporat, sekuriti kerajaan dan aset cair.

108. Adakah pulangan nominal pelaburan anda juga dikenali sebagai pulangan yang “efektif”?
- A. Ya. Ini adalah peningkatan sebenar dalam kuasa pembelian saya.
 B. Ya. Walaubagaimanapun, pulangan yang nominal akan menjadi lebih rendah dari pulangan yang efektif (pulangan selepas mengambil kira kesan menghakis akibat dari cukai dan inflasi)
 C. Tidak. Saya perlu mengambil kira kesan dari cukai dan inflasi. Semakin tinggi cukai dan inflasi, semakin tinggi pulangan sebenar saya.
 D. Tidak. Saya perlu mengambil kira kesan dari cukai dan inflasi. Semakin tinggi cukai dan inflasi, semakin rendah pulangan sebenar saya.
109. Berapa kerapkah Prospektus perlu dikemaskinikan?
- A. Tiada syarat-syarat tertentu. Selagi Surat Ikatan Amanah tidak berubah, Prospektus tidak perlu dikemaskinikan.
 B. Setiap 3 tahun.
 C. Setiap 12 bulan.
 D. Setiap 6 bulan.
110. Apakah perbelanjaan yang utama berkait rapat dengan skim unit amanah saham?
- I. Caj Perkhidmatan Permulaan
 II. Duti Setem
 III. Fi Pengurusan Berterusan
 IV. Fi Penasihat
 V. Komisen Broker
- A. I, II dan III sahaja
 B. I, III dan V sahaja
 C. I, III dan IV sahaja
 D. Semua yang di atas
111. Jika harga belian unit adalah RM1.10, NAB adalah RM1.09 dan harga jualan adalah RM1.15, berapa banyakkah Mr. Teoh perlu bayar jika beliau ingin membeli 1,000 unit?
- A. RM 1,100
 B. RM 1,090
 C. RM 1,150
 D. RM 1,000
112. Menurut soalan 111, berapa banyakkah caj perkhidmatan dana/tabung?
- A. 5 sen.
 B. 5.5%
 C. 1 sen.
 D. 4.5%
113. Apakah yang dikatakan amanah saham Akhir Tertutup?
- A. Harga yang berubah-ubah dalam jangkamasa sehari.
 B. Unit-unit adalah tidak tersenarai dalam Bursa Malaysia
 C. Ia adalah bukan dana/tabung Amanah Saham Hartanah.
 D. Ia adalah dana/tabung Unit Amanah Saham Islam.
114. Agen yang mempromosikan unit amanah saham membuat pernyataan berikut, yang manakah pernyataan yang sangat sesuai untuk digunakan?
- A. “Silalah melabur dengan saya, dana/tabung saya akan mengisytiharkan pengagihan”
 B. “Dana/tabung saya mengisytiharkan 20% bonus pada tahun lepas, dan begitu juga pada tahun ini”
 C. “Pelaburan kami sangat terjamin”
 D. “Perlu diingatkan bahawa pulangan adalah tidak boleh dijamin dan ianya melibatkan fi dan caj yang tertentu”.
115. Syarat-syarat asas bagi pelaburan dengan dana/tabung KWSP adalah:-
- A. 20% dari baki dana/tabung dengan lebih RM50,000 dalam Akaun 1.
 B. Jumlah keseluruhan dana/tabung dalam Akaun 1.
 C. 80% dari baki dana/tabung dengan lebih RM50,000 dalam Akaun 2.
 D. Jumlah keseluruhan dana dalam Akaun 2.

116. Tanggungjawab bagi pengurus syarikat termasuklah:
- I. Menyediakan semua dokumen-dokumen awam yang berkaitan dengan skim unit amanah saham.
 - II. Menubuhkan unit pematuhan bagi memastikan operasi yang teratur dan efisien.
 - III. Menubuhkan unit audit dalaman bagi memastikan operasi yang teratur dan efisien.
 - IV. Menginsurankan semua asset dana (cth: hartanah yang dipegang oleh skim)
- A. I, II
 - B. I, II, IV
 - C. II, III, IV
 - D. Semua yang di atas
117. Di antara pernyataan yang berikut, yang manakah **BENAR**?
- A. Pendapatan dari dana/tabung harta adalah datangnya dari pendapatan sewa dan naik nilai modal hartanah skim tersebut.
 - B. Portfolio dana/tabung harta boleh ditukar kepada ekuiti dengan mudah kerana asetnya yang mempunyai kecairan yang tinggi.
 - C. Dana/tabung hartanah adalah tidak dibenarkan untuk penyenaraian.
 - D. Dana/tabung yang tidak tersenarai tidak dibenarkan melabur dalam dana/tabung hartanah.
118. Pernyataan Pendedahan Risiko dalam Pinjaman Kewangan dengan jelas menyatakan risiko yang terlibat dengan pelan pinjaman kewangan dengan maklumat yang berikut:-
- I. Margin Pinjaman Kewangan
 - II. Pembayaran semula pinjaman
 - III. Panggilan margin
 - IV. Pulangan ke atas unit amanah saham tidak terjamin
 - V. Cagaran (kolateral)
- A. I dan II sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. I, II, III dan IV sahaja
 - D. Semua yang di atas
119. Unit Amanah Saham adalah salah satu pelaburan alternatif di mana para pelabur memperolehi faedah dengan menggunakan prinsip _____.
- A. Purata Kos Dolar
 - B. Permintaan dan Bekal
 - C. Nisbah Pendapatan
 - D. Beli rendah dan jual tinggi
120. Apakah komen utama dalam Industri Unit Amanah Saham?
- I. Kelewatan dalam pengeluaran Sijil Kelayakan unit.
 - II. Ketidakpuas hatian dengan prestasi dana/tabung unit amanah saham.
 - III. Ajen yang tidak jujur.
 - IV. Berpuas hati dengan perkhidmatan selepas jualan yang diberi oleh agen
 - V. Kelewatan pembayaran untuk pengagihan
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. I, II, III dan IV sahaja
 - D. I, II, III dan V sahaja
121. “Harga Jualan” dalam Unit Amanah Saham maksudnya:-
- A. NAB + Caj Penebusan
 - B. NAB + Caj Perkhidmatan Permulaan
 - C. NAB + Fi Pengurusan
 - D. NAB + Fi Pemegang Amanah
122. Di antara pernyataan yang berikut, apakah yang akan berlaku apabila pengisytiharan pemisahan unit dalam dana amanah saham diumumkan?
- A. NAB bagi dana akan berkurangan.
 - B. Harga unit akan jatuh.

- C. Jumlah unit dalam edaran akan berkurangan.
D. Keuntungan dana/tabung akan berkurangan.
123. Bagaimana harga jualan dalam dana akhir tertutup ditentukan?
- A. Dengan membahagikan semua nilai dana/tabung dengan unit dalam edaran dan mengambil kira caj penebusan (jika ada).
B. Atas budi bicara Syarikat Pengurusan.
C. Melalui Permintaan dan Penawaran
D. Dengan membahagi NAB dari dana/tabung dengan unit dalam edaran
124. Satu dokumen sah yang mengandungi hak-hak dan tanggungjawab bagi pemegang amanah, pengurus dan pemegang unit adalah....
- A. Sijil
B. Prospektus
C. Surat Ikatan Amanah
D. Surat Perjanjian
125. Yang manakah di antara pernyataan berikut BENAR berkenaan dengan Peraturan 72?
- A. Ia digunakan bagi menentukan nilai inflasi dan cukai.
B. Ia digunakan bagi menentukan kadar inflasi dan cukai.
C. Ia digunakan bagi menentukan dan mengira kesan inflasi dan pulangan berganda.
D. Ia sangat berguna bagi mengetahui masa yang diambil untuk menggandakan pelaburan dengan diberi sejumlah wang pada kadar faedah tertentu.
126. Nilai aset bersih bagi dana/tabung adalah dikira setiap hari. Ini adalah untuk menilai....
- A. Prestasi dana/tabung unit amanah saham yang lain
B. Komisen bagi agen
C. Jumlah unit dalam edaran
D. Nilai sebenar aset dalam skim
127. Pernyataan 1: “*Jualan secara agresif dan paksaan perlu dielakkan.*”
Pernyataan 2: “*Para pelabur perlu dilayan dengan rasa hormat dan perlu diberi pendedahan yang sepenuhnya mengenai semua maklumat berkenaan dengan keputusan pelaburan.*”
Prinsip Tatatertib Etika yang manakah diterangkan dalam pernyataan yang di atas?
- A. Kemesraan, Jujur
B. Jujur, Mematuhi
C. Urusan yang adil, Jujur
D. Kemesraan, Urusan yang adil
128. Di antara yang berikut, apakah definisi Blue Chips?
- A. Terbesar, Perbadanan yang banyak modal
B. Dari syarikat bersaiz kecil hingga saiz sederhana
C. Syarikat Pengurusan unit amanah saham
D. Dana/tabung hartanah
129. Seseorang yang mengiktiraf seseorang yang lain untuk bertindak sebagai wakil kepadanya dikenali sebagai: -
- A. Pertukaran nama
B. Surat Kuasa Wakil
C. Akaun Amanah
D. Pemegang unit yang telah meninggal
130. Apakah fi pengurusan tahunan?
- A. Fi yang berdasarkan Nilai Aset Bersih dana/tabung yang dibayar oleh pemegang unit kepada pengurus syarikat unit amanah saham bagi pengurusan dana/tabung unit amanah saham yang berterusan.
B. Fi yang berdasarkan Nilai Aset Bersih Kasar dana/tabung yang dibayar oleh pemegang unit kepada pengurus unit amanah saham bagi pengurusan dana/tabung unit amanah saham yang berterusan.

- C. Fi yang berdasarkan Nilai Aset Bersih Kasar dana/tabung yang dibayar oleh pemegang unit kepada pemegang amanah bagi pengurusan dana/tabung unit amanah saham yang berterusan.
- D. Fi yang berdasarkan Harga Jualan dana/tabung yang dibayar oleh pemegang unit bagi pengurusan dana/tabung unit amanah saham yang berterusan

131. Undang-undang yang manakah digunakan dalam unit amanah saham?

- I. Akta Sekuriti Industri 1983
- II. Akta Suruhanjaya Sekuriti, 1993
- III. Akta Pemegang Amanah 1949
- IV. Akta Syarikat Pengurusan 1989

- A. I, II, III
- B. I, III, IV
- C. II, III, IV
- D. Semua yang di atas

132. Pernyataan yang di bawah adalah salah **KECUALI...**

- A. Laporan Kewangan perlu sampai kepada pelabur dalam masa dua bulan selepas akhir tempoh kewangan.
- B. Laporan Juruaudit perlu disertakan di dalam laporan interim dan laporan tahunan dana/tabung.
- C. “GarisPanduan” memerlukan SPAS menerbitkan sekurang-kurangnya 2 laporan kewangan dan 4 laporan Suku Tahun setahun.
- D. SPAS mestilah menjalankan tugas sebagai pengurus dana/tabung. Ia tidak dibenarkan untuk memberi kuasa tanggungjawab bagi menguruskan portfolio pelaburan amanah saham kepada pengurus dana/tabung luar.

133. Fi Pengurusan Tahunan bagi Syarikat Pengurusan Unit Amanah Saham (SPAS) biasanya _____.

- A. 1.5%
- B. 1%
- C. 0.95%
- D. Seperti yang tercatat di dalam Surat Ikatan Amanah

134. Pernyataan manakah yang berikut **TIDAK BENAR?**

- A. Penilaian dan penentuan harga jualan dan pembelian semula bagi unit mestilah dilakukan sekurang-kurangnya sekali pada hari urusaniaga.
- B. Syarikat Pengurusan mestilah menerbitkan harga jualan, harga pembelian semula dan Nilai Aset Bersih per unit dalam skim pada setiap hari sekurang-kurangnya dalam satu suratkhbar kebangsaan Bahasa Melayu dan satu lagi dalam Bahasa Inggeris
- C. Penilaian dan penentuan harga jualan dan harga pembelian semula bagi unit dibuat oleh pemegang amanah dan mestilah serta merta diberitahu kepada syarikat pengurusan.
- D. Tempoh tawaran permulaan mestilah tidak boleh melebihi 21 hari.

135. Syarikat pengurusan dana/tabung mestilah menyediakan hak tempoh pembekuan kepada setiap pelabur. Hak tempoh pembekuan merujuk kepada:

- A. Hak untuk membeli tambahan unit pada nilai tara
- B. Hak untuk tidak menjual unit kepada pengurus dana/tabung tetapi kepada sesiapa yang berminat untuk melabur.
- C. Hak kepada pemegang unit bagi mendapatkan pemulangan semula pelaburan mereka dalam skim.
- D. Hak pemegang unit untuk menukar cara pelaburan dari pelaburan tunggal ke pelaburan biasa atau sebaliknya.

136. Pilih alasan kepada mengapa pasaran unit amanah saham kadangkala gagal untuk menghasilkan jumlah jualan dan perniagaan yang memuaskan.

- I. *Kesedaran Produk* – pelabur yang berpotensi tidak mengetahui bagaimana unit amanah saham boleh membantu untuk mempertingkatkan nilai wang mereka.
- II. *“Bukan untuk ku”* – OBUAS tidak dapat mengenalpasti keperluan pelanggan yang berpotensi. Oleh itu, produk itu dianggap tidak sesuai dengan objektif atau gaya pelaburan mereka.

III. “Prestasi” – Sesetengah SPAS tidak menunjukkan prestasi yang baik berbanding syarikat amanah saham lain dan/atau tanda aras yang lain.

IV. *Elemen Risiko* – Sesetengah pelabur takut kehilangan modal dalam SAS seperti saham, berbanding dengan akaun simpanan dan simpanan tetap.

- A. I, II, III
- B. II, IV
- C. II, II & IV
- D. Semua yang di atas

137. Pemegang unit diberi hak, dalam jangkamasa enam (6) hari urusanniaga dari pembayaran untuk pelaburan, boleh menarik balik pelaburan tanpa sebarang pengurangan untuk perkhidmatan dan fi-fi yang lain. Apakah istilah tersebut dipanggil?

- A. Tempoh Pematuhan Pembelian Semula
- B. Tempoh Penebusan unit
- C. Tempoh pembekuan
- D. Tempoh Tanpa Faedah

138. Antara yang berikut, yang manakah tidak sesuai untuk digunakan sebagai tanda ukuran bagi pelaburan unit amanah saham?

- A. KLIBOR
- B. KLCI
- C. Kadar Penggangguran
- D. Indeks Emas Bursa Malaysia

139. Apakah kaedah-kaedah pelaburan dalam unit amanah saham?

- I. Overdraif
- II. Simpanan Biasa
- III. Pembelian Semua
- IV. Pelan Pinjaman Kewangan

- A. I dan II sahaja
- B. I, II dan III sahaja

C. II, III dan IV sahaja

D. II dan III sahaja

140. Risiko yang terlibat dalam pelaburan Unit Amanah Saham melalui pinjaman kewangan adalah seperti yang berikut **KECUALI**:

- A. Pulangan dari unit amanah saham adalah lebih tinggi dari faedah pinjaman.
- B. Kesan Penuasan Pinjaman akan memberi kemungkinan yang para pelabur mendapat pulangan kurang dari yang sepatutnya yang boleh dicapai jika mereka menggunakan modal mereka sendiri untuk melabur.
- C. Panggilan margin jika Nilai Aset Bersih (NAB) jatuh dan liabiliti meningkat.
- D. Bank/institusi kewangan akan memaksa untuk menjual unit amanah saham untuk membayar semula faedah pinjaman.

141. Pelabur yang manakah di bawah menggunakan prinsip kos purata dolar?

- A. Para pelabur yang biasanya melabur dengan nilai amaun tetap dalam sesuatu dana/tabung tanpa menghiraukan pergerakan pasaran.
- B. Para pelabur biasanya melabur dengan jumlah unit tetap dalam sesuatu dana/tabung tanpa menghiraukan pergerakan pasaran.
- C. Para pelabur yang ingin melabur dengan pelaburan tunggal sekali setahun.
- D. Tiada satu di atas.

142. Kesan positif pelaburan jangkamasa panjang boleh dilihat apabila ;

- A. Pulangan pelaburan telah diubahsuai selepas cukai.
- B. Pemegang unit memahami apa yang mereka beli dan ianya mencapai objektif pelaburan mereka.
- C. Pasaran stok bergerak ke arah pasaran ‘bear’.
- D. Inflasi menghakis kuasa membeli para pelabur.

143. Seorang pelabur mempunyai RM500,000.00 dan ingin mengetahui berapa lama yang perlu diambil untuk menjadikannya seorang jutawan. Andaikan pelaburannya itu menghasilkan 11 % kadar faedah setahun.
- A. 78.55 bulan
 B. 6.55 bulan
 C. 82 bulan
 D. 50 bulan
144. Di bawah adalah pihak yang terlibat dalam proses pembelian unit serta tanggungjawab mereka. Pilih pernyataan yang bersesuaian.
- I. OBUAS – Selain dari menjual produk, juga memberi maklumat kepada pelabur dalam masa tempoh jualan dan pada setiap masa.
 II. SPAS – menyelaraskan dan mengawal pelbagai peringkat dalam proses penjualan.
 III. Pemegang Amanah – berperanan untuk menyelia proses penjualan. Sekiranya semua berjalan lancar menurut Surat Ikatan Amanah, campurtangan pemegang amanah adalah minima. Sekiranya terdapat ketidakselarasan, Pemegang Amanah akan melibatkan diri secara aktif untuk membetulkan proses yang bermasalah
 IV. Pihak Bank – menjaga akaun pemegang amanah, menerima dana dan meluluskan cek yang dikeluarkan.
 V. Pengurus Dana / Tabung – Mengawasi aliran tunai ke dalam dan ke luar dana. Memastikan dana dilabur mengikut polisi pelaburan yang ditentukan.
- A. I, II, III
 B. I, II, III, V
 C. IV, V
 D. Semua yang di atas.
145. Pernyataan mengenai pelaburan langsung hartanah adalah salah **KECUALI...**
- I. Ia adalah dalam bentuk kitaran semulajadi.
 II. Skim pembayaran semula gadaijanji adalah biasanya jangka masa pendek dan fleksibel.

- III. Ia adalah pelaburan bentuk kecairan yang tinggi.
 IV. Perbelanjaan permulaan modal yang diperlukan adalah kecil dan dengan demikian, sangat sesuai dengan pelabur kecil.
 V. Ia adalah pelindung yang baik menghadapi inflasi.
- A. I, V
 B. II, V
 C. III, IV, V
 D. Semua yang diatas
146. Kenalpasti pasangan yang **TIDAK SESUAI**
- I. Hasil Ini adalah kaedah standard mengira nilai amanah saham. Ianya mengandaikan harga ditentukan oleh nilai sebenar saham yang berkaitan.
 II. Dana Pesisiran Pantai Dana yang beroperasi diluar bidang kuasa pihak yang berwajib Malaysia.
 III. Tawaran Asas Amaun pendapatan yang diperolehi oleh SPAS daripada harga. Biasanya ia dinyatakan dalam bentuk kasar, iaitu sebelum cukai dan selepas bayaran yang dicaj.
 IV. Harga Pembelian Harga yang digunakan oleh SPAS untuk membeli unit daripada pemegang unit.
 V. Semula Urusniaga Istilah yang digunakan untuk menggambarkan pembelian dan penjualan amanah saham. Kebanyakan amanah saham boleh diurusniaga pada hari perniagaan.
 VI. Peruntukan Aset Amalan peregang risiko dalam aset pelaburan dan gaya pengurus pelaburan untuk mengimbangi kesan dan ketidaktentuan pasaran dengan paras risiko yang boleh diterima oleh pelabur.
- A. I, III
 B. II
 C. IV, V
 D. VI

147. Kenalpasti pasangan yang **SESUAI**
- I. Dana Lindung Nilai Satu kontrak kewangan yang memberi pemegang hak untuk membeli atau menjual sesuatu komoditi atau instrumen kewangan pada harga tetap pada tarikh tertentu di masa hadapan.
 - II. Beruang (Bear) Maskot Suruhanjaya Sekuriti; seekor binatang berpakaian biru yang mewakili visi, misi dan nilai Suruhanjaya Sekuriti.
 - III. Pengagihan Pembayaran yang dibuat kepada pemegang unit daripada pendapatan Pemegang Amanah.
 - IV. (Blue chips) Penerangan am yang menerangkan perbadanan yang besar dengan modal yang tinggi.
 - V. (Futures) Tindakan yang diambil oleh pengurus unit amanah saham untuk melindungi nilai amanah saham daripada ketidakpastian pasaran
 - VI. Pereganggan Perbezaan di antara harga penawaran unit yang dijual dan harga belian pada unit yang telah dibeli semula dari awam.
- A. I, II, III, VI
 - B. III, IV, V, VI
 - C. III, IV, VI
 - D. I, III, IV, V, VI
148. Tugas Pemegang Amanah adalah untuk memastikan Syarikat Pengurusan Unit Amanah Saham berpegang teguh kepada syarat-syarat Surat Ikatan Amanah dan, apabila perlu, _____.
- A. Untuk menjaga kepentingan Pemegang Amanah.
 - B. Untuk menjaga imej Syarikat Pengurusan Unit Amanah Saham
 - C. Untuk menjaga kepentingan Syarikat Pengurusan Unit Amanah Saham
 - D. Untuk menjaga kepentingan pemegang unit
149. Di antara pernyataan yang berikut, yang manakah **TIDAK DIPRAKTIKKAN** dalam industri unit Amanah Saham?
- A. Jumlah tahap dalam struktur agensi mestilah tidak boleh melebihi empat (4)
 - B. Kesemua orang yang berdaftar mestilah lulus Peperiksaan Pra-Kontrak Insuran (Insurance Pre-contract Examination PCE)
 - C. Apabila para pelabur ingin menebus unit-unit mereka, mereka boleh menjual unit secara separuh sahaja.
 - D. Kandungan dalam barang promosi tidak sepatutnya mengandungi ramalan secara langsung atau pun apa-apa unjuran bagi prestasi akan datang skim unit amanah saham.
150. Kenalpasti ciri-ciri unit amanah saham akhir-terbuka
- I. Ini adalah skim pelaburan terkumpul yang memberi peluang kepada pelabur kecil untuk melabur dalam pasaran saham.
 - II. Pemilikan dana/tabung dinyatakan dalam unit.
 - III. Pelaburan unit amanah saham menawarkan peluang kepada pelabur untuk memasuki pelbagai jenis sekuriti.
 - IV. Jika keadaan pasaran tidak menggalakkan, pemegang unit tidak akan boleh mencairkan pelaburan mereka kerana pelabur lain tidak berminat untuk membelinya.
- A. I, II, III
 - B. II, III, IV
 - C. I, II, IV
 - D. Semua yang di atas.
151. Berdasarkan andaian yang berikut, apakah harga pembelian semula dana/tabung apabila pelabur ingin menebus pada 2 Januari 2004?
- Andaikan :*
- i) *Tarikh penebusan* : 2 Januari 2004
 - ii) *NAB unit amanah saham pada 2 Januari 2004* : RM122,000,00
 - iii) *Jumlah unit kitaran pada 2 Januari 2004* : 200,000,000 unit
 - iv) *Caj pembelian semula* : 5 sen

- A. RM 0.61
 B. RM 0.60
 C. RM 0.56
 D. RM 0.59
152. Andaikan pulangan tahunan adalah 10 %, kadar cukai adalah 20% dan kadar inflasi adalah 5 %, apakah kadar pulangan berkesan?
- A. 3%
 B. 0.25%
 C. 2.5%
 D. -0.5%
153. Berdasarkan pemahaman Unit Amanah Saham Malaysia, apakah gambaran yang digunakan untuk menyatakan pulangan pelaburan unit amanah saham?
- I. Pulangan kasar
 II. Pulangan tahunan
 III. Prestasi yang konsisten bagi pengurus unit amanah saham dari masa ke semasa.
 IV. Menggunakan Jadual Prestasi Pelaburan
- A. I dan II sahaja
 B. I, II dan III sahaja
 C. I, III dan IV sahaja
 D. Semua yang di atas.
154. Majlis bagi Federation of Malaysian Unit Trust Managers (FMUTM) mengandungi _____.
- A. 8 ahli jawatankuasa
 B. 9 ahli jawatankuasa
 C. 10 ahli jawatankuasa
 D. 12 ahli jawatankuasa
155. Berdasarkan Garispanduan pasaran dan pengagihan dalam unit amanah saham, yang manakah pernyataan yang berikut **TIDAK SAH** ?
- A. Individu yang berdaftar dengan pihak syarikat pengurusan dan setelah menerima kad pengesahan yang dikeluarkan oleh syarikat pengurusan, adalah dibenarkan untuk mula menjual dana/tabung unit amanah saham.
 B. Mereka yang berdaftar mestilah memastikan yang mereka membawa bersama kad pengesahan apabila bertemu dengan prospek.
 C. Para pelabur yang terlibat dalam skim pinjaman kewangan perlu mengetahui tentang Pernyataan Pendedahan Risiko.
 D. Tanpa prospek, mereka yang berdaftar tidak dibenarkan untuk memasarkan dan/atau mengagihkan unit.
156. _____ adalah pulangan yang diisytiharkan kepada pemegang unit dalam bentuk unit.
- A. Keuntungan
 B. Pemisahan unit
 C. Pengagihan
 D. Pendapatan bersih
157. Pengurusan potfolio bagi dana/tabung unit amanah saham terdiri daripada
- I. Melaksanakan strategi Pelaburan
 II. Memilih Aset
 III. Mewujudkan objektif pelaburan
 IV. Menilai prestasi pelaburan
- A. I, II, III
 B. I, II, IV
 C. II, III, IV
 D. Semua yang di atas.
158. Sijil pelabur yang melabur dalam unit amanah saham melalui pinjaman kewangan akan dihantar kepada _____.
- A. Syarikat Pengurusan Unit Amanah Saham
 B. Ahli Kewangan
 C. Orang Berurusan Unit Amanah Saham
 D. Tiada satu di atas

159. Di bawah adalah standard minima bagi pendaftaran OBUAS kecuali,
- Mestilah sekurang-kurangnya berumur 18 tahun.
 - Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf seperti yang ditentukan oleh FMUTM.
 - Mestilah tidak pernah di ambil tindakan mahkamah atau pun pihak berkuasa kerana memalsukan atau tidak jujur.
 - Mestilah tidak pernah melakukan kesalahan jenayah.
160. Pelaburan dibeli pada tahun 1978 adalah RM1.00 dan telah dijual pada tahun 1998 untuk RM4.50. Apakah pulangan kasar (%) dalam transaksi ini?
- 300%
 - 350%
 - 400%
 - 450%
161. Di antara yang berikut, yang manakah prinsip seperti yang dinyatakan dalam Tatatertib Etika?
- Jujur
 - Digniti
 - Integriti
 - Keramahan
 - Urusan yang adil
 - Jujur
- I, II, III, V, VI
 - I, II, III, IV, V
 - I, III, IV, V, VI
 - II, III, IV, V, VI
162. Menurut Garispanduan pada Dana/Tabung Unit Amanah Saham, dana/tabung yang tahun kewangannya berakhir pada 30 Jun, perlu mengeluarkan laporan tahunan pada _____.
- 15 Julai
 - 31 Julai
 - 31 Ogos
 - 30 Jun
163. Standard Perilaku Profesional bagi OBUAS merangkumi semua seperti yang berikut, **KECUALI...**
- Mematuhi peraturan dan undang-undang
 - Menggunakan Kad Pengesahan
 - Pemasaran dan pengagihan dengan prospektus
 - Melakukan dengan penuh tanggungjawab, kemahiran dan ketelitian.
 - Penerangan yang mencukupi mengenai jenis dan kriteria skim unit amanah saham.
 - Menggunakan iklan dan bahan promosi yang disahkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.
 - Kerahsiaan dalam komunikasi dan transaksi
 - Kompeten.
 - Pantas, efisien dan perkhidmatan yang berterusan.
- I
 - VII
 - VIII
 - Tiada satu di atas.
164. Jika pelabur mempunyai RM 5000.00 dan ingin melabur dalam hartanah, dana/tabung apakah yang patut dia laburkan?
- Dana/ tabung Amanah Hartanah
 - Dana/tabung Bon
 - Dana/tabung Ekuiti
 - Dana/tabung Islam
165. Apakah cara untuk memaksimumkan pendedahan seseorang individu dalam pertumbuhan aset seperti amanah saham melalui pembiayaan dana, dengan harapan kadar pulangan pelaburan akan melebihi kos pembiayaan?

- A. Lindung Nilai
- B. Kepelbagaian
- C. Peregangan
- D. Penuasan

166. Anak saya mempunyai RM 1000 dalam akaun bank. Dia ingin melabur RM 1000 ini dalam pelaburan yang menghasilkan pulangan 8 % setiap tahun. Berapa lamakah masa yang diambil untuk wangnya berganda ?

- A. 9 tahun
- B. 12 tahun
- C. 36 tahun
- D. 125 tahun

167. Apakah kos yang terlibat apabila individu menggunakan pinjaman kewangan untuk melabur ?

- I. Fi Pengurusan
- II. Caj Perkhidmatan Permulaan
- III. Penukaran
- IV. Faedah

- A. I, II, III
- B. II, III, IV
- C. I, II, IV
- D. Semua yang di atas.

168. Bagi pemisahan unit pada 1:2 , satu unit yang dikeluarkan sekarang adalah sama dengan 2 unit yang diperolehi oleh pemegang unit. Berdasarkan andaian di bawah, apakah harga jualan selepas pemisahan unit ?

Andaian

NAB sebelum-pemisahan unit : RM,110,000,000

Unit sebelum-pemisahan unit : 90,000,000 unit

Fi Perkhidmatan Permulaan : 5 %

- A. RM 0.85
- B. RM 0.86
- C. RM 0.87
- D. RM 0.88

Bagi soalan 169 dan 170

Tarikh	Harga Jualan (RM)	En ABC		En XYZ	
		Amaun Pelaburan	Unit	Amaun Pelaburan	Unit
02/01/2004	2.00	6,000	3,000	2,000	1,000
03/01/2004	4.00	6,000	1,500	4,000	1,000
04/01/2004	6.00	6,000	1,000	6,000	1,000
05/01/2004	8.00	6,000	750	8,000	1,000
06/01/2004	10.00	6,000	600	10,000	1,000
		-----	-----	-----	-----
		30,000	6,850	30,000	5,000
		=====	=====	=====	=====

169. Cari purata kos bagi En ABC?

- A. RM 5.0633
- B. RM 4.3795
- C. RM 6.0000
- D. RM 5.0000

170. Jika dibandingkan, pelabur yang manakah mempunyai purata kos yang lebih rendah ?

- A. En. ABC
- B. En. XYZ
- C. Tidak dapat diputuskan, kedua-dua mempunyai kos yang sama
- D. Tiada kesimpulan